
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

EUT 201/2 – Teknik Berfikir

Masa : 2 jam

Arahan Kepada Calon:

1. Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Kertas ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan. Kertas ini dibahagikan kepada **DUA [2]** bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
3. Jawab **DUA [2]** soalan sahaja. **SATU [1]** daripada Bahagian A (soalan wajib) dan **SATU [1]** daripada Bahagian B.
4. Sila catatkan dengan jelas **nama PENSYARAH/TUTOR** yang mengendalikan kelas tutorial anda di sudut kiri skrip jawapan.
5. Semua jawapan **MESTILAH** dimulakan pada muka surat yang baru.
6. Semua soalan **MESTILAH** dijawab dalam Bahasa Malaysia.
7. Tuliskan nombor soalan yang dijawab di luar kulit buku jawapan anda.

BAHAGIAN A: [Soalan wajib dijawab]

1. Dalam usaha kerajaan untuk mengembalikan keyakinan semua rakyat Malaysia terhadap kebolehan dan kecemerlangan pelajar IPTA khususnya pelajar Bumiputra bagi menghadapi dunia globalisasi yang semakin mencabar, maka beberapa dasar baru pendidikan telah diperkenalkan. Tambahan pula kini kadar pengangguran di kalangan pelajar yang keluar universiti telah meningkat dengan alasan mereka harus mempunyai dua pengkhususan. Sehubungan dengan itu maka kerajaan akan memperkenalkan dan melaksanakan dua pengkhususan ini untuk semua pelajar di IPTA.
 - a. Sebagai pelajar universiti yang tergulung dalam masyarakat intelek, berfikiran terbuka, positif dan analitikal, berikan pandangan dan analisa anda mengenai perkara ini.

(20 markah)
 - b. Dengan menggunakan mana-mana **EMPAT (4)** alat berfikir yang sesuai, buat satu cadangan kepada kerajaan sama ada anda menyokong atau sebaliknya dasar baru pendidikan tersebut. Sekiranya anda tidak menyokong dasar ini, berikan cadangan alternatif yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan bagi membantu meningkatkan kecemerlangan pelajar IPTA dan seterusnya mengurangkan kadar pengangguran di kalangan mereka.

(80 markah)

BAHAGIAN B: [Jawab mana-mana **SATU [1]** soalan sahaja]

2. Pelajar kejuruteraan di USM Kampus Kejuruteraan tinggal agak jauh dari bandar utama dan kemudahan yang sedia ada mungkin belum dapat memenuhi kepuasan tinggal di Nibong Tebal. Adakah ini betul atau salah? Dengan menggunakan TIGA (3) alat berfikir yang bersesuaian. Beri rumusan yang sesuai mengikut komen dan cadangan yang akan diberikan

(100 markah)

3. Adakah Pengantarabangsaan yang mahu diwujudkan di bawah Timbalan Naib Canselor Antarabangsa dapat membantu universiti ke arah objektif yang disarankan oleh Menteri Pendidikan dan sekali gus penggunaan Bahasa Malaysia harus dipertahankan. Komen mengikut kesesuaian Cara Berfikir dengan penggunaan 4 topik. Buat rumusan dari ulasan yang diberikan.

(100 markah)

4. Program Pengajaran Teknik Berfikir ini dikatakan dapat membantu pelajar memahami teknik berfikir agar pelajar lebih peka dan bersedia dalam apa jua rintangan dalam kehidupan baik akademik mahupun sosial. Adakah betul program ini dapat membantu dan bagaimana? Beri ulasan dan komen dalam bentuk TIGA (3) Alat Berfikir Gaya yang bersesuaian.

(100 markah)